

MINIT MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN MPC BIL. 4/2020

Tarikh : 28 Ogos 2020 (Jumaat)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Perbincangan Pejabat TKSU (I), Tingkat
27, Menara MITI , No. 7, Jalan Sultan Haji
Ahmad Shah, 50480 Kuala Lumpur
Pengerusi : YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob
Timbalan Ketua Setiausaha (Industri), MITI
Kehadiran : Seperti di Lampiran I

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih dan selamat datang kepada semua yang hadir ke mesyuarat ini.
- 1.2 Pengerusi turut memaklumkan mesyuarat adalah bertujuan untuk menyemak semula skop kajian, mempertimbangkan dan memperakukan pembekal bagi Lantikan Terus Berserta Kos Siling Perunding bagi perkara berikut :

- *Supply And Demand Study To Accelerate Increase Of Specialist Doctors And Skilled Nurses In High Demand Areas*

Makluman

2.0 KELULUSAN MINIT MESYUARAT BIL. 4/2020

- 2.1 Minit mesyuarat Bil. 3/2020 bertarikh 4 Ogos 2020 telah diluluskan tanpa sebarang pindaan.

Makluman

3.0 MAKLUMBALAS MINIT MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN MPC BIL 3/2020

- 3.1 Mesyuarat mengambil maklum berhubung Maklumbalas Minit Mesyuarat Bil. 3/2020 bertarikh 4 Ogos 2020 tanpa sebarang pindaan.

4.0 MEMPERTIMBANGKAN KERTAS KELULUSAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING

4.1 Supply and Demand Study of The Specialists to Accelerate Increase of Specialist Doctors and Nurses in High Demand Areas

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan lanjut dari wakil *Private Healthcare Productivity Nexus (PHPN)*, Encik Mohamad Norjayadi Tamam berkaitan latar belakang kajian *Supply and Demand Study of The Specialists to Accelerate Increase of Specialist Doctors and Nurses in High Demand Areas*.

Walaubagaimanapun, Encik S. Surrendren memaklumkan bahawa maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Pembangunan Sosial, UPE, (BPS, UPE) mendapati bahawa Institut Kesihatan Negara (NIH), Kementerian Kesihatan Malaysia akan juga melaksanakan kajian yang lebih komprehensif ke atas hospital awam dan swasta. Ia adalah berdasarkan terma rujukan yang diperolehi daripada BPS, UPE.

Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersetuju untuk tidak meluluskan kertas cadangan *Supply And Demand Study Of The Specialists To Accelerate Increase Of Specialist Doctors And Skilled Nurses In High Demand Areas* bagi mengelakkan pertindihan kajian yang turut akan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dan seterusnya memastikan sumber kewangan MPC boleh diperuntukkan untuk kajian lain.

Seterusnya, mesyuarat turut mencadangkan agar MPC bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan dan memberi nilai tambah dengan menyalurkan maklumat-maklumat diperolehi semasa sesi libat urus yang telah dijalankan bersama pihak pemegang taruh oleh MPC sebelum ini.

MPC juga dipohon untuk menyemak keperluan bagi apa-apa kajian pada masa hadapan bersama Kementerian dan Agensi yang berkaitan untuk mengelakkan berlakunya pertindihan projek yang sama.

Makluman

5.0 Hal-hal Lain

Perkara I : Makluman Penukaran Tajuk Projek Bagi Dua Kajian Kes Behavioural Insights (BI) Tahun 2020 :

i. Pembentangan tajuk baharu *Encouraging PTPTN Borrowers' Reporting during and after the Great Lockdown of Covid-19 using Behavioural Insights*

- Mesyuarat mengambil maklum dengan pembentangan lanjut skop kajian yang baharu berkaitan Dasar Baharu Bayaran Balik Pinjaman Secara Potongan Gaji Mandatori Menggunakan Konsep *Income Contingent Loan (ICL)* kepada tajuk baharu *Encouraging PTPTN Borrowers' Reporting during and after the Great Lockdown of Covid-19 using Behavioural Insights*.
- Walaubagaimanapun, mesyuarat mencadangkan agar kajian dijalankan boleh merujuk kepada pendekatan yang diambil oleh institusi-institusi lain seperti Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) berhubung pelaksanaan bayaran balik pinjaman. Seterusnya, mesyuarat turut memohon supaya kajian ini dibentangkan ke pihak pengurusan PTPTN sebagai salah satu pelaksanaan perancangan masa hadapan.

ii. Pembentangan tajuk baharu Kajian Keperluan Penggubalan Akta Pembangunan Usahawan di Malaysia Menggunakan Kaedah Behavioural Insights (BI) , MEDAC

- Mesyuarat mengambil maklum dengan pembentangan lanjut skop kajian yang baharu berkaitan Penerimaan dan adaptasi teknologi IR 4.0 di kalangan usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSMEs) , serta tiada halangan kepada penukaran tajuk baharu *Kajian Keperluan Penggubalan Akta Pembangunan Usahawan di Malaysia Menggunakan Kaedah Behavioural Insights (BI) , MEDAC*

Perkara II : Makluman Penambahan Badan Penilai (AB) YNY Tecnology Sdn Bhd Untuk Melaksanakan Projek Penilaian Industry4wrdr Readiness Assessment (RA) Tahun 2020

Mesyuarat Lembaga Perolehan MPC Bil. 2/2020 pada 15 Mei 2020 telah meluluskan pelantikan enam (6) Badan Penilai bagi melaksanakan Projek Penilaian *Industry4wrld Readiness Assessment* (RA) untuk tahun 2020 dan syarikat YNY Tecnology Sdn Bhd telah ditawarkan sebagai Badan Penilai pada 30 April tetapi telah menolak pelawaan tersebut kerana situasi semasa iaitu kekangan-kekangan daripada wabak Covid19 dan kekurangan tenaga pakar.

Walaubagaimanapun, pada 7 Ogos 2020, satu mesyuarat yang di pengerusikan oleh Puan Vimala Murugan, Pengarah Dasar Sektor, MITI telah dibuat untuk mempelawa semula syarikat YNY Tecnology Sdn Bhd sebagai Badan Penilai kerana syarikat tersebut telah kembali pulih dan telah bersedia melaksanakan *Readiness Assessment* (RA).

Satu mesyuarat Rundingan Harga (JRH) telah di adakan di MPC pada 14 Ogos 2020 bersama YNY Tecnology Sdn Bhd dengan butiran seperti berikut :


- Harga yang dipersetujui :
 - Zon A : RM 14,550.00
 - Zon B : RM 16,660.00
 - Zon C : RM 19,600.00
- Tempoh Siap : 31 Disember 2020.

Makluman

6.0 Penutup

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.15 tengahari dan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir.

Disediakan oleh:




(NURUL-FATIAH MOHD AZLAN)

Urusetia

Lembaga Perolehan MPC

Tarikh: 21/9/2020

Disemak oleh:




(MAHADI HASBULLAH)

Urusetia

Lembaga Perolehan MPC

Tarikh: 21/9/2020

Disahkan oleh:



(YBHG. DATO' SRI NORAZMAN AYOB)

Pengerusi

Lembaga Perolehan MPC

Tarikh: 24/9/2020

LAMPIRAN 1

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
BIL. 4/2020**

- | | |
|--------------------------------------|-------------|
| 1. YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob | - Pengerusi |
| 2. YBhg. Dato' Muhamad Noor Yacob | - Ahli |
| 3. YBrs. Encik A. Balasubramaniam | - Ahli |
| 4. YBrs. Encik Surrendren Sathasivam | - Ahli |

URUSETIA

5. Encik Mohd Azwan Mohd Salleh
Timbalan Pengarah, Unit Pengurusan Perolehan
6. Encik Mahadi Hasbullah
Pengurus Kanan, Unit Pengurusan Perolehan
7. Puan Nurul Fatimah Mohd Azlan
Penolong Pengurus, Unit Pengurusan Perolehan
8. Puan Wan Khairunnisa Azmi
Penolong Pengurus, Unit Pengurusan Perolehan